



BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH MARA

Frequently Asked Question (FAQ) Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) 2019

PERMOHONAN ATAS TALIAN (ONLINE)

- **Bilakah iklan permohonan kemasukan ke MRSM dikeluarkan?**
Iklan kemasukan ke Tingkatan 1 & 4 2019 dikeluarkan serentak pada **9 September 2018** melalui akhbar utama di seluruh negara. Makluman lanjut boleh dilayari di Portal Rasmi MARA.
- **Bolehkah saya memohon kata laluan selepas tarikh tutup permohonan *online*?**
Tidak boleh.
- **Bagaimanakah cara membuat permohonan *online* untuk kemasukan ke Tingkatan 1 & 4 MRSM?**
Pemohon perlu mendapatkan kata laluan secara *online*, kata laluan akan dihantar ke e-mel yang didaftarkan semasa permohonan.
- **Apakah syarat permohonan *online* untuk kemasukan ke Tingkatan 1 & 4 MRSM?**
Syarat UMUM
 - ✓ Calon warganegara Malaysia.
 - ✓ Ibu atau bapa adalah warganegara Malaysia.
 - ✓ Calon mestilah memohon secara *online*.
 - ✓ Calon menduduki Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) tahun 2018 yang merangkumi Pentaksiran Pusat (UPSR/PT3), Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (PPsi).
 - ✓ Calon sihat tubuh badan, bebas daripada masalah mental, penyakit kronik (masalah jantung, darah tinggi, kencing manis, sawan (epilepsy)) dan lain-lain penyakit yang boleh menghadkan, membataskan serta menyukarkan pelaksanaan aktiviti kurikulum dan kokurikulum.
 - ✓ Calon kurang upaya mestilah calon yang boleh bergerak sendiri tanpa bantuan orang lain.
 - ✓ Calon mestilah berminat belajar di MRSM.**Syarat KHUSUS**
 - ✓ Calon mestilah mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang.
 - ✓ Calon mestilah aktif dalam aktiviti kokurikulum.
 - ✓ Keutamaan diberi kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.
 - ✓ Pemilihan pelajar ke MRSM adalah **berdasarkan merit**.
- **Adakah borang permohonan saya sudah diterima?**
Pemohon akan menerima *pop up* '**permohonan dihantar**' sejurus **selepas menekan butang hantar**.
- **Bilakah tarikh tutup permohonan *online*?**
Sila rujuk Portal Rasmi MARA/info iklan pada tahun berkenaan.

- **Apakah maklumat yang diperlukan semasa membuat permohonan kata laluan?**
Pemohon perlu memasukkan nombor kad pengenalan dan sistem akan memaparkan secara automatik nama dan angka giliran peperiksaan. Pemohon juga perlu memasukkan e-mel dan nombor telefon bimbit untuk mendapatkan kata laluan.
- **Terdapat kesilapan pada maklumat yang didaftarkan (contoh: warganegara, agama, bangsa, alamat, nombor telefon, nombor kad pengenalan ibubapa, penukaran program dll), boleh atau tidak untuk dikemaskini?**
 - ✓ Boleh, sekiranya permohonan belum dihantar dalam tempoh yang ditetapkan, maklumat dapat dikemaskini sendiri oleh pemohon.
 - ✓ Sekiranya permohonan telah dihantar atau telah melepasi tarikh tutup permohonan, maklumat hanya dapat dikemaskini oleh pegawai HEP(BPM). Mohon e-melkan maklumat lengkap pemohon dan masalah kepada bpmmara@mara.gov.my

*(*Maklumat permohonan anak tuan dalam talian kemasukan ke Tingkatan 1 MRSM telah diterima. Pihak kami akan membuat pembedahan maklumat dan mengemaskini data selepas keputusan UPSR 2018 diumumkan. Harap maklum, terima kasih.)*
- **Saya telah mendaftar dan menerima kata laluan, tetapi kata laluan tidak sah untuk digunakan. Apa yang perlu saya buat?**
Boleh menghubungi unit HEP (BPM) di talian 0326134531/34532/34533/34516/34517/34578/34494 untuk pengesahan kata laluan atau e-mel kepada bpmmara@mara.gov.my.
- **Ibu atau bapa saya bukan warganegara dan tidak dapat mengisi nombor passport kerana ruangan itu memerlukan 12 digit, bolehkah saya membuat permohonan?**
Boleh, salah seorang ibu atau bapa mestilah warganegara. Bagi permohonan yang menggunakan nombor passport (bukan nombor kad pengenalan) perlu lengkapkan 12 digit pada ruangan kad pengenalan dengan menambahkan digit kosong (0) di belakang nombor passport. Contoh AG3215670000
- **Saya cuba untuk mendaftar permohonan tetapi *popup* memberitahu nombor kad pengenalan tidak sah, apa yang perlu saya lakukan?**
Jika terdapat masalah untuk mendapatkan kata laluan dan terdapat *popup* No K/P TIDAK SAH, sila hantar e-mel kepada bpmmara@mara.gov.my dengan menyertakan salinan surat beranak pemohon dan Kenyataan Kemasukan/Slip Kemasukan/Slip Pendaftaran UPSR/PT3 2018. Bagi kes pemohon yang lahir pada atau selepas 2 Januari 2007, sila e-mel dokumen tambahan iaitu Kebenaran Masuk Tahun 1 di sekolah dan kebenaran menduduki UPSR tahun 2018.
- **Bolehkah saya menukar pusat ujian khas setelah pemilihan dibuat? (MRSM Program Ulul Albab sahaja)**
Tidak boleh, pihak tuan perlu menghubungi MRSM tersebut bagi memastikan terdapat kekosongan dan sekiranya ada kekosongan, MRSM akan senaraikan calon sebagai calon tumpang.
- **Anak saya tidak memohon secara *online*, adakah masih boleh membuat permohonan selepas tarikh tutup?**
Tidak, hanya permohonan *online* yang dipertimbangkan.

- **Saya telah mengisi permohonan *online*, perlukah saya mencetak dan menghantar salinan kepada BPM?**
Salinan tidak perlu dihantar ke BPM, walau bagaimanapun pemohon perlu membuat cetakan untuk simpanan dan rujukan masa hadapan.
- **Apakah Program Bantuan Untuk Pendidikan (BUDI)?**
BUDI adalah satu program yang memberi bantuan penuh kepada pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dan **memenuhi syarat yang telah ditetapkan melalui siasatan oleh Pegawai MARA.**
- **Bagaimanakah pemilihan calon BUDI dilakukan?**
 - ✓ Siasatan ke rumah dibuat oleh Pegawai MARA.
 - ✓ Pemilihan dibuat oleh Jawatankuasa peringkat Ibu Pejabat (BPM)
- **Selain daripada BUDI-MARA, adakah program BUDI bersama agensi lain?**
Ada, antaranya BUDI Lembaga Zakat Selangor, BUDI Tunas Geliga dan BUDI Petronas.

TAWARAN KEMASUKAN KE TINGKATAN 1 & 4 MRSM 2019

- **Pada kebiasaannya, berapakah bilangan tawaran yang dibuat oleh pihak MARA dalam setahun?**
Bilangan tawaran bergantung kepada kekosongan sehingga **tarikh akhir pada 30 April 2019.**
- **Bolehkah saya memohon MRSM yang berdekatan dengan tempat tinggal saya?**
Boleh, tetapi tawaran kepada pemohon yang berjaya adalah berdasarkan kekosongan MRSM yang dipilih.
- **Saya telah menghubungi MRSM tertentu dan diberitahu ada kekosongan di sana. Bolehkah saya mendaftarkan anak saya di MRSM berkenaan?**
Tidak boleh. **Tawaran MRSM adalah melalui BPM sahaja.**
- **Saya adalah pemohon dari Semenanjung Malaysia, memperoleh keputusan 5A1C dalam UPSR dan sedang menunggu keputusan semakan semula. Masihkah ada peluang untuk saya membuat rayuan dan mendapat tawaran kemasukan?**
Rayuan akan dipertimbangkan setelah keputusan semakan diperolehi **dengan syarat pemohon telah menghantar permohonan *online* semasa tempoh permohonan dibuka.**
- **Anak saya mendapat tawaran Sekolah Berasrama Penuh (SBP) atau Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) tetapi saya telah menolak tawaran tersebut, perlukah saya menghantar surat perlepasan daripada SBP/SBPI kepada MARA?**
Tidak perlu.
- **Benarkah sekiranya nama anak saya ditawarkan ke SBP/SBPI secara automatik tidak akan disenaraikan dalam senarai calon MRSM?**
Tidak benar. Pemohon yang telah mendapat tawaran ke SBP/SBPI masih dipertimbangkan untuk ke MRSM berdasarkan merit.

- **Bilakah tarikh pendaftaran pelajar Tingkatan 1?**
Tarikh pendaftaran bagi pelajar Tingkatan 1 MRSM dijangka pada bulan Januari/Februari.
- **Bilakah saya boleh menyemak status permohonan saya sama ada berjaya atau gagal?**
Status permohonan sama ada berjaya atau gagal boleh disemak melalui Portal Rasmi MARA selepas keputusan tawaran kemasukan diumumkan.
- **Bolehkah saya tahu markah ujian khas (Program MRSM Ulul Albab) anak saya?**
Tidak boleh, markah ujian khas adalah SULIT.
- **Bilakah ujian khas Program MRSM Ulul Albab diadakan?**
Selepas keputusan UPSR diumumkan dan pemohon yang memenuhi syarat ujian khas sahaja akan dihubungi melalui e-mel atau SMS.
- **Siapakah yang akan menduduki ujian khas?**
Calon yang memilih Program MRSM Ulul Albab sebagai pilihan pertama dan memenuhi syarat untuk panggilan ujian khas.
- **Bilakah tarikh pendaftaran pelajar Tingkatan 4 MRSM?**
Jangkaan tarikh pendaftaran adalah pada:
 - ✓ Pendaftaran pertama: Bulan Februari
 - ✓ Pendaftaran kedua: Bulan Mac
- **Apakah yang dimaksudkan dengan MERIT?**
MERIT merangkumi syarat umum dan syarat khusus yang dinyatakan dalam iklan kemasukan ke MRSM 2019 iaitu:

Syarat UMUM

 - ✓ Calon warganegara Malaysia.
 - ✓ Ibu atau bapa adalah warganegara Malaysia.
 - ✓ Calon mestilah memohon secara *online*.
 - ✓ Calon menduduki Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) tahun 2018 yang merangkumi Pentaksiran Pusat (UPSR/PT3), Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (PPsi).
 - ✓ Calon sihat tubuh badan, bebas daripada masalah mental, penyakit kronik (masalah jantung, darah tinggi, kencing manis, sawan (epilepsy)) dan lain-lain penyakit yang boleh menghadkan, membataskan serta menyukarkan pelaksanaan aktiviti kurikulum dan kokurikulum.
 - ✓ Calon kurang upaya mestilah calon yang boleh bergerak sendiri tanpa bantuan orang lain.
 - ✓ Calon mestilah berminat belajar di MRSM.

Syarat KHUSUS

 - ✓ Calon mestilah mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang.
 - ✓ Calon mestilah aktif dalam aktiviti kokurikulum.
 - ✓ Keutamaan diberi kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.
- **Masih perlukan pemohon Tingkatan 4 menduduki UKKM?**
Untuk kemasukan tahun 2019, pemohon tidak perlu menduduki UKKM.

- **Sekiranya nama saya disenarai hitam oleh MARA, adakah permohonan anak saya masih dipertimbangkan?**
Tidak, tuan dimohon untuk berhubung dengan Bahagian Kawalan Kredit untuk membuat pemutihan.
- **Saya menerima surat makluman senarai hitam daripada MARA. Apakah yang perlu saya lakukan untuk proses pemutihan?**
Pemimjam perlu menyelesaikan tunggakan untuk proses pemutihan pinjaman. Pemimjam perlu memaklumkan Bahagian Kawalan Kredit MARA dengan menyertakan bukti pembayaran untuk pengesahan bayaran yang telah dibuat.
- **Bolehkah saya membuat permohonan pertukaran maktab atau program selepas berjaya mendapat tawaran ke MRSM?**
Tidak boleh. Keputusan adalah muktamad.
- **Bila semakan boleh dibuat untuk MRSM PKP bagi pelajar sedia ada Tingkatan 4 MRSM?**
Semakan boleh dibuat di maktab masing-masing selepas minggu ketiga Januari 2019.
- **Berapa jumlah bayaran pendaftaran MRSM?**
Sila rujuk buku panduan selepas menerima tawaran kemasukan.
- **Berapa jumlah bayaran yuran untuk program IGCSE?**
Sila rujuk buku panduan selepas menerima tawaran kemasukan.

Nota:

- ** Bagi kemasukan ke Tingkatan 1 & 4 MRSM 2019, **tiada** ujian OLSA.
- ** Ujian khas dijalankan untuk Program MRSM Ulul Albab sahaja.

RAYUAN MRSM

- **Jika saya tidak berjaya menerima tawaran ke MRSM, bolehkah saya membuat rayuan dan adakah rayuan anak saya dipertimbangkan?**
Pemohon yang tidak Berjaya, boleh merayu menggunakan **e-rayuan secara online**. Walau bagaimanapun, pemilihan ke MRSM masih tertakluk kepada merit pemohon **dan kekosongan MRSM**.
- **Bilakah rayuan saya akan dijawab dan bagaimana saya boleh mengetahui keputusan rayuan yang saya buat?**
Pemohon yang tidak menerima tawaran MRSM selepas 30 April 2019 adalah dianggap TIDAK BERJAYA. Pemohon boleh menghubungi Unit HEP (BPM) di talian 03-26134531/34532/34533/34516/34517/34578/35073.

PANDUAN PELAJAR YANG BERJAYA KE MRSM

- **Siapakah yang layak menerima bantuan kewangan?**
Pelajar yang layak menerima bantuan kewangan adalah pelajar yang datang dari keluarga yang berpendapatan rendah dan tanggungan ramai. Dalam hal ini, pengiraannya dibuat dengan menggunakan formula yang telah ditetapkan oleh pihak MARA berdasarkan jumlah pendapatan keluarga dan jumlah tanggungan dalam keluarga.

- **Bagaimanakah cara memohon bantuan kewangan?**
Boleh mengisi borang yang disertakan semasa mendapat tawaran ke MRSM dan permohonan dihantar ke pejabat MRSM berkenaan **bersama dokumen-dokumen yang diperlukan.**
- **Adakah pelajar MRSM akan diberikan biasiswa?**
Pelajar MRSM tidak diberikan biasiswa tetapi bantuan kewangan iaitu pengecualian daripada membayar yuran sebanyak RM60.00 dan wang saku sebanyak RM50.00 sebulan kepada pelajar yang layak sahaja.
- **Bolehkah yuran dibayar dengan menggunakan wang tunai pada hari pendaftaran?**
Boleh tetapi tidak digalakkan. Pembayaran yuran hendaklah dibuat secara tunai di mana-mana Pejabat MARA Negeri, Pejabat MARA Daerah atau bank yang disenaraikan (BSN, Bank Islam, Maybank2u, Cimbclick). Bayaran hendaklah menggunakan No. Pelajar yang tertera di sudut atas kanan surat tawaran rasmi. Bayaran perlu dijelaskan sebelum pendaftaran di MRSM dan resit perlu dibawa bersama semasa hari pendaftaran.
- **Bolehkah pembayaran yuran ke MRSM dibuat secara ansuran?**
Boleh, pembayaran yuran boleh dibayar secara ansuran dengan persetujuan pentadbiran MRSM yang berkenaan.
- **Adakah MRSM menyediakan kemudahan pinjaman buku teks?**
Ya. Pihak MARA menyediakan kemudahan pinjaman buku teks kepada semua pelajar MRSM.
- **Adakah kuota anak polis/tentera mengikut pangkat?**
Keistimewaan/kuota ini hanya melibatkan permohonan ke **Tingkatan 1** sahaja. Dalam pemilihan ini borang permohonan Anak Polis dan Tentera akan diproses oleh pihak MARA dari segi susunan merit/markah untuk diserahkan kepada pihak ATM dan PDRM bagi proses seterusnya iaitu pemilihan mengikut kriteria tambahan yang ditetapkan oleh ATM dan PDRM.
- **Jika saya ditawarkan ke SBP/SBPI, bolehkah saya menolak tawaran tersebut kerana ingin menunggu tawaran daripada MRSM?**
Pemohon yang telah mendapat tawaran ke SBP/SBPI masih dipertimbangkan ke MRSM berdasarkan merit. Pemohon Tingkatan 3 yang bersekolah di SBP/SBPI tidak layak memohon untuk kemasukan ke MRSM.
- **Apakah keperluan asas yang perlu disediakan oleh pelajar yang berjaya ditawarkan ke MRSM?**
Segala keperluan asas tinggal di asrama akan dimaklumkan dalam senarai yang dilampirkan bersama-sama surat tawaran kepada pelajar. Walau bagaimanapun kebanyakan keperluan tersebut boleh dibeli di Koperasi MRSM.
- **Apakah pakaian pelajar MRSM ketika sesi akademik/hari persekolahan?**
 - ✓ **Pakaian Rasmi**
Lelaki : Baju kemeja lengan panjang berwarna '*beige*'. Seluar panjang berwarna coklat.
Perempuan: Baju kurung berwarna '*beige*'. Kain berwarna coklat.

✓ **Pakaian Pilihan**

Lelaki : Baju kemeja lengan panjang berwarna biru muda. Seluar panjang berwarna biru tua.

Perempuan: Baju kurung berwarna biru muda. Kain berwarna biru tua.

• **Apakah kasut rasmi pelajar MRSM?**

Pelajar diwajibkan memakai kasut berwarna hitam (kulit/separuh kulit/PVC).

• **Apakah warna baju melayu rasmi pelajar MRSM?**

Pelajar lelaki diwajibkan memakai baju melayu berwarna putih (boleh dibeli di Koperasi MRSM)

PROGRAM YANG DILAKSANAKAN DI MRSM

• **MRSM manakah yang melaksanakan Program MRSM Ulul Albab?**

MRSM Kota Putra (2009), MRSM Gemencheh (2010), MRSM Kepala Batas (2011), MRSM Sungai Besar (2015) dan MRSM Semporna (2019) bagi pengambilan ke Tingkatan 1 sahaja.

• **Jika anak saya tidak berjaya ke program MRSM yang dipilih, adakah anak saya akan ditawarkan ke program MRSM yang lain?**

Pelajar yang tidak berjaya ke program MRSM yang dipilih, akan ditawarkan ke program MRSM yang lain berdasarkan merit dan pilihan 'Setuju ditempatkan ke mana-mana MRSM' semasa permohonan dibuat.

• **Apakah yang dimaksudkan dengan Program MRSM IGCSE?**

International General Certificate of Secondary Education yang dilaksanakan di MRSM Tun Abdul Razak, MRSM Johor Bahru, MRSM Baling, MRSM Alor Gajah, MRSM Kuala Klawang, MRSM Kuala Kubu Bharu, MRSM Kubang Pasu, MRSM Tumpat, MRSM Seriting, MRSM Kuching, MRSM Kuantan, MRSM Langkawi, MRSM Batu Pahat, MRSM Tun Mustapha dan MRSM Parit.

• **Apakah perbezaan kurikulum yang diterapkan di antara Program MRSM Premier dan Program MRSM Ulul Albab?**

Program MRSM Ulul Albab merupakan program pendidikan integrasi antara program pendidikan sedia ada (Sains Tulen) dengan aliran agama termasuk Tahfiz Al-Quran. Pelajar akan mengikuti subjek teras seperti mana Program MRSM Premier dengan penambahan subjek Bahasa Arab (Komunikasi) dan Tahfiz Al-Quran.

• **Apakah perbezaan kurikulum yang diterapkan di antara Program MRSM Premier dan Program MRSM Ulul Albab/IGCSE/IB MYP/Teknikal?**

- ✓ **Program MRSM IGCSE** diperkenalkan untuk menambah nilai (*value-add*) sistem pendidikan MRSM sedia ada. Pelajar akan mengikuti subjek teras seperti mana MRSM lain dengan penambahan bahasa ketiga (Perancis, Jepun dan Mandarin) dan akan mengambil peperiksaan *Cambridge Secondary 1*, seterusnya pelajar akan mengambil peperiksaan *Cambridge Secondary 2*.

- ✓ **Program MRSM IB MYP** mengekalkan kurikulum sedia ada yang dilaksanakan di semua MRSM seluruh Malaysia dan mengaplikasikan pendekatan MYP dari Sistem Pendidikan International Baccalaureate.
- ✓ **Program MRSM Teknikal** menerapkan elemen teknikal melalui subjek Sains kejuruteraan yang merangkumi ilmu kejuruteraan robotik, kejuruteraan mekanikal dan kejuruteraan elektrik dari tingkatan 1 hingga 3. Kesenambungannya diteruskan untuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu pelajar ditawarkan dengan jurusan Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Elektrik & Elektronik.

**Bahagian Pendidikan Menengah
MARARA**